

06 OCT 2001

Cuepacs-bonus

CUEPACS MOHON MAAF MENGENAI KEKELIRUAN SOAL BONUS

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini memohon maaf kepada Kementerian Kewangan berhubung kekeliruan yang timbul dari kenyataan presidennya, Datuk N. Siva Subramaniam mengenai bonus kakitangan awam tahun ini.

Setiausaha Agungnya Abdul Rahman Manan berkata Cuepacs sebenarnya amat faham dan menghargainya jaminan kerajaan bagi permohonan bonus kakitangan awam sebanyak dua bulan itu yang bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

"Daripada kandungan surat itu (yang dikeluarkan oleh Setiausaha perbendaharaan Tan Sri Dr Samsudin Hitam) memang seluruh kakitangan awam dan Cuepacs menaruh harapan bahawa kerajaan akan mempertimbangkan bonus dan ia tidak secara kontraktual.

"Sebenarnya Cuepacs memang memohon dua bulan bonus bagi membolehkan kakitangan kerajaan berbelanja untuk keperluan sekolah anak-anak di samping meningkatkan ekonomi dalam negara," katanya kepada Bernama di sini.

Sebelum ini Siva Subramaniam selepas Konvensyen Cuepacs Khamis lepas dilaporkan berkata kerajaan menolak cadangan Cuepacs bagi pemberian bonus dua bulan gaji tetapi bersetuju mempertimbangkan pemberian bonus tahun ini.

Semalam, Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan menyatakan rasa kesal terhadap Cuepacs kerana menyalahafsir kandungan surat berkenaan yang hanya satu respons umum kepada surat Abdul Rahman pada 14 Ogos lepas.

Abdul Rahman berkata perkara berkaitan pemberian bonus ini akan dikemukakan minggu depan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir selaku Menteri Kewangan.

Daripada jaminan kerajaan melalui surat yang ditulis oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam, Cuepacs yakin Dr Mahathir akan mengumumkan perkara itu semasa membentangkan Belanjawan 2002 pada sesi Parlimen minggu hadapan, katanya.

Abdul Rahman berkata ini akan mengurangkan kegelisahan dan penantian kakitangan awam setiap tahun mengenai isu bonus ini.

"Cuepacs faham kedudukan ekonomi negara dan sebarang kekeliruan, kami memohon maaf termasuk kepada Kementerian Kewangan," katanya.

-- BERNAMA

SHS AZZ ZB